

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

SPU304 - Penganalisaan Dasar Awam

Tarikh: 1 November 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengah hari
(3 jam)

Jawab **TIGA** soalan sahaja. **SATU** soalan **MESTI** dijawab dari Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.

Bahagian A (Jawab **SATU** soalan sahaja)

1. Beberapa sebab telah mendorong perkembangan penganalisaan dasar awam sebagai satu bidang kajian penting dalam sains politik. Tetapi bidang ini hanya dapat berkembang jika sarjana-sarjana sains politik dapat meningkatkan pengetahuan mengenai bagaimanakah kegiatan-kegiatan, keputusan-keputusan dan tindakan-tindakan dasar Kerajaan difahami dan dijelaskan. Bincangkan.
2. Bandingkan sejauhmanakah model inkrimentalisme dan model rasionalisme berfaedah dan dapat meningkatkan pemahaman anda tentang proses pembentukan dasar.

Bahagian B (Jawab **SATU** soalan sahaja)

3. Dalam satu sistem kerajaan demokratik peringkat-peringkat awal perkembangan sebarang dasar awam memanglah satu proses yang rumit yang melibati berbagai-bagai kegiatan penting. Kegiatan-kegiatan tersebut merujuk kepada perjuangan tentang dasar dan bertujuan menyampaikan masalah-masalah kepada Kerajaan. Jelaskan dan bincangkan kegiatan-kegiatan di peringkat-peringkat awal perkembangan dasar awam.
4. Jelaskan makna pelaksanaan dasar. Jelaskan dan bincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan pelaksanaan dasar.

... 2/-

(SPU 304)

Bahagian C (Jawab SATU soalan sahaja)

5. Jelaskan dan bincangkan faktor-faktor penting yang mempengaruhi proses pembentukan dasar di negara-negara Dunia Ketiga.

6. SAMADA

(a) Pembentukan dasar di Malaysia, mengikut Elyas Omar, "adalah secara relatif satu proses senang tentang interaksi di antara pentadbir-pentadbir dan pembentuk-pembentuk keputusan politik utama yang kurang atau tanpa melibatkan peserta-peserta lain yang berada di luar sistem pembentukan dasar". Bincangkan.

ATAU

(b) Bincangkan kuasa-kuasa sosio-ekonomi dan politik yang telah mempengaruhi kemunculan Dasar Ekonomi Baru di Malaysia.